

# India hargai pendirian tegas Perdana Menteri

BH - 31/1/2007

**N**EW DELHI: India menghargai pendirian tegas Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung pelbagai isu keganasan dan peperangan yang dicituskan oleh kuasa besar.

Timbalan Menteri Luar India, Arnad Sharma, berkata walaupun Abdullah dilihat pemimpin sentiasa bersikap sederhana, beliau tetap lantang bersuara pada forum antarabangsa mengenai isu keamanan sejagat.

Arnad yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk persidangan antarabangsa 'Peace, Non-Violence and Empowerment' di sini, berkata ia mencerminkan pendirian tegas Malaysia berhubung isu itu.

Katanya, kuasa besar perlu menghentikan kegiatan tidak berperikemanusiaan dan setiap negara wajar mengutuk keganasan agar ia tidak berterusan kerana lebih banyak nyawa akan terkorban atau tercedera.

"Justeru, Parti Kongres India menganjurkan persidangan ini bagi

mbolehkan setiap negara mengemukakan pandangan dan pendapat masing-masing mengenai falsafah dan prinsip Mahatma Gandhi yang menolak keganasan," katanya ketika menerima kunjungan hormat Naib Presiden Umno yang juga Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam di pejabatnya di sini, semalam.

Majlis penutup persidangan itu disempurnakan Perdana Menteri India, Dr Manmohan Singh pada jam 3

petang, semalam.

Kelmarin ketika menyampaikan pandangan Malaysia pada sidang pleno, Mohd Ali berkata, konsep Islam Hadhari diperkenalkan Abdullah boleh dijadikan 'penawar' untuk menangani keganasan akibat peperangan atau rusuhan etnik.

Ini katanya, konsep itu memberi penekanan terhadap toleransi dan persefahaman, kesederhanaan dan perdamaian, kebebasan dan keadilan.

Sementara itu, Mohd Ali yang juga Presiden Perhimpunan Belia Sedunia (WAY) menyifatkan persidangan itu pentas terbaik menyatakan pendirian tegas Malaysia pada peringkat antarabangsa berhubung isu keganasan.

"Mesej Malaysia dipimpin Abdullah adalah jelas supaya kuasa besar tidak rakus dan menindas negara lemah terutama negara Islam. Semua orang mahukan keamanan dan kedamaian tanpa mengira anutan agama dan ideologi politik," katanya.

## TAKIA NOMBOR

Persidangan 'Peace, Non-Violence and Empowerment'

**500**

Peserta

**90**

Negara